

# PM dedah niat 'jaguh' setinggalan

BH 27 FEB 1984  
KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan ada orang tertentu yang menggunakan isu hak kaum setinggalan untuk menjadikan dirinya jaguh.

Perdana Menteri berkata, mereka suka setinggalan tinggal sebagai setinggalan kerana jika tidak ada setinggalan, mereka tidak ada isu untuk menjadi jaguh.

Beliau berkata, "sebenarnya, bukan kepentingan setinggalan yang mereka perjuangkan. Mereka memperjuangkan kepentingan sendiri."

Sebaliknya, beliau berkata, jika harta mereka dirampas, walaupun untuk kebaikan setinggalan, tindakan mereka berbeza sekali.

"Jika kita tidak suka hartakita dirampas orang, kita janganlah anggap harta orang adalah hak kita, dan jika pemiliknya memerlukan balik harta mereka mesti bayar pampasan kepada kita," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian ketika merasmikan bandar baru Wangsa Maju, di Ladang Hawthornden — bandar yang dinamakan sendiri oleh Perdana Menteri.

## Menyemai

Bandar Baru Wangsa Maju adalah yang kedua di Wilayah Persekutuan setelah Bandar Baru Tun Razak dalam tahun 1975.

Projek 400 hektar itu dijalankan secara usahasama antara Dewan Bandaraya dengan Syarikat Peremba — mencerminkan hasrat kerajaan membangunkan negara menerusi konsep persyarikatan Malaysia. Fasa satu projek bernilai \$500 juta akan menyediakan 12,020 unit rumah kos sederhana dan rendah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan kini cuba mencuba nilai-nilai yang baik di negara ini, bukan sahaja kepada mereka yang berada malah kepada semua.

"Jika kita terima bahawa kemiskinan memberi hak kepada kita membebankan nilai yang baik, huru-hara akan melanda masyarakat," tegasnya.

Jelasnya, yang baik adalah baik, sama ada kepada mereka yang berada atau tidak berada. Begitu juga yang buruk adalah buruk, tanpa mengira miskin atau kaya.

Serentak itu, Datuk Seri Dr Mahathir merayu kepada kaum setinggalan supaya bekerjasama dengan kerajaan supaya masalah kehidupan dalam bandar dapat cepat diatasi.

Untuk tujuan itu, mereka hendaklah sanggup mengorbankan sedikit sebanyak kemahuan mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai cara dan rancangan untuk mengatasi masalah perumahan.

Tetapi, katanya, apa juga cara dan rancangan itu tidak mungkin berjaya jika setiap orang meninggalkan kehendak diri.

Kerajaan memang berhasrat supaya ramai penduduk kampung berhijrah dan tinggal di bandar-bandar.

Maksud kerajaan bukanlah supaya mereka berpindah ke kampung kepada setinggalan.

Sebaliknya, kerajaan mahukan supaya penduduk-penduduk dari kampung mendapat kesempatan hidup yang ada di bandar-bandar. Kawasan setinggalan dan kehidupan sebagai setinggalan, daktah mencerminkan Datuk Haji Ahmad Raza-keselesaan kehidupan di li, Datuk Bandar, Datuk Dr Elyas Omar dan Pengerusi Percmba, Encik Daim Zainuddin.

## Kesesakan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hakikat

yang mesti diterima ialah tempat tinggal di bandar memerlukan lebih banyak perbelanjaan daripada tempat tinggal di kampung, walaupun dari segi lain perbelanjaan di bandar mungkin rendah sedikit.

Hakikatnya juga ialah rumah berasingan seperti di kampung tidak dapat dibina dalam bandar kerana kesesakan penduduk di bandar.

Beliau berkata, perumahan di bandar mestilah mengambilkira harga tanah yang amat tinggi dan betapa sukarnya mendapatkan kawasan tanah untuk membina rumah.

Oleh itu, lebih ramai penduduk terpaksa dan mesti menduduki kawasan tanah di bandar berbanding bilangan penduduk bagi seekor di luar bandar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan di kawasan setinggalan amatlah tidak sempurna.

Sebenarnya, keadaannya adalah lebih buruk daripada di kampung.

Turut hadir di upacara itu ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk

Shahhir Samad, Menteri Kebajikan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Raza-keselesaan kehidupan di li, Datuk Bandar, Datuk Dr Elyas Omar dan Pengerusi Percmba, Encik Daim Zainuddin.